

# PM larang Azalina ambil tindakan mahkamah

UM 2 MAY 2002

KUALA LUMPUR 1 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melarane Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Othman Said mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak yang menuduh kononnya pemimpin sayap UMNO itu sebagai lesbiana.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan menyaman pihak tidak bertanggungjawab itu akan memberi kesempatan pihak tertentu memanipulasi tuduhan tersebut.

"Azalina tak usah saman. Bukan senang hendak saman. Ini semua tipu hehlah yang kita tahu peguam yang cekap boleh gima.

"Peguam boleh peralatkan mahkamah untuk kepentingan politik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja 2002 Bagi Sektor Awam anjuran Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar tabloid yang menuduh kononnya Azalina sebagai seorang lesbiana.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO mempersoalkan mengapa tuduhan tersebut dilemaarkan selepas Azalina dilantik sebagai Ketua Penaja Puteri UMNO.

Tuduhan tersebut, tegas beliau, jelas bermotilkan politik iaitu mahu menjatuhkan reputasi Azalina yang mempunyai masa depan cerah dalam politik.

"Tujuannya adalah politik sebab dia nampak orang ini (Azalina) boleh naik. Dulu kenapa tak sebut tentane Azalina lesbiana," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, tuduhan tersebut dilakukan oleh seorang yang telah diisytiharkan muflis tetapi mahu publisiti.

Individu tersebut, katanya, sengaja mahu mengheret Azalina ke mahkamah bertujuan memburuk-burukkan imej pemimpin sayap UMNO itu.

"Ini daripada seorang yang bankrap yang tidak ada kerja lain, buat tuduhan kerana mahu publisiti.

"Kalau orang itu (Azalina) ambil tindakan mahkamah, dia ada cara lain untuk memburukkan lagi orang itu," katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berkata, individu sedemikian tidak sewajarnya diberikan lesen untuk menerbitkan sesebuah penerbitan.

Lesen yang diberikan, tegasnya, disalah gunakan untuk menjatuhkan imej seseorang.

Perdana Menteri memberitahu, beliau dan keluarganya juga pernah menerima pelbagai tuduhan.

Bagaimanapun, beliau tidak mengambil sebarang tindakan mahkamah bagi kerana mengetahui implikasi di sebalik tindakan itu.

"Saya tak pernah saman. Macam-macam tuduhan yang diterima termasuk mengatakan anak saya dapat gaji RM900,000 setiap bulan," katanya.

Sedangkan, kata beliau, anaknya yang dilantik sebagai pengarah sebuah syarikat tidak pernah menerima gaji dan setiap perbelanjaan menggunakan wang sendiri.

Bagi mengelakkan tuduhan itu berlautan, tambah beliau, anaknya terpaksa menjalankan perniagaan di luar negara.